



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MENGINSAFI KEMATIAN"

23 Ogos 2024 / 18 Safar 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي كَتَبَ عَلَى نَفْسِهِ الْبَقَاءَ، وَكَتَبَ عَلَى خَلْقِهِ الْفَنَاءَ، وَجَعَلَ الدُّنْيَا دَارَ  
الْفَنَاءِ، وَالْآخِرَةَ دَارَ الْبَقَاءِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ  
يَا حَسَنًا إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ  
فَارَّ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati Illahi,

Marilah kita tingkatkan keimanan dan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan dan menjauhi segala larangan Nya, mudah-mudahan kita mendapat kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Khutbah yang akan disampaikan pada hari ini bertajuk: "MENGINSAFI KEMATIAN"

Firman Allah SWT ayat 1 hingga 2 surah *an-Nazi'at*:

﴿وَالنَّازِعَاتِ غَرْقًا ۝ وَالنَّشِيطَاتِ نَشْطًا ۝﴾

Bermaksud: Demi (makhluk) yang mencabut (apa-apa yang ditugaskan kepada mereka untuk mencabutnya) dengan cara yang kasar. Dan yang menarik (apa-apa yang ditugaskan untuk menariknya) dengan cara yang lembut.

Kematian berlaku apabila roh berpisah dari tubuh, dicabut oleh malaikat Izrail yang ditugaskan oleh Allah SWT untuk mencabut nyawa; mengakibatkan gerakan jantung, pernafasan dan fungsi tubuh berhenti buat selama-lamanya. Mati itu pasti berlaku, menjemput setiap yang bernyawa ke alam barzakh, tanpa mengira umur, pangkat mahupun kedudukan.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Ayat 1 hingga 2 surah *al-Nazi'at* yang khatib bacakan pada awal khutbah, merujuk kepada sifat malaikat Izrail ketika menarik roh dari tubuh manusia. Dengan rahmat Illahi, roh orang beriman akan ditarik oleh malaikat secara lembut, disambut dengan kehormatan, diiringi dengan wangi-wangian, kemudian diangkat ke langit dengan penuh kemuliaan. Manakala roh orang kufur dicabut dengan cara yang keras, sangat menyakitkan, disambut oleh para malaikat dengan kehinaan.

Setelah jenazah dikebumikan, roh kembali ke jasad untuk menghadapi pertanyaan malaikat Munkar dan Nakir. Roh akan mengalami, sama ada nikmat atau seksaan kubur sehingga hari kiamat. Firman Allah SWT ayat 28 surah *al-Baqarah*:

﴿كَيْفَ تَكْفُرُونَ بِاللَّهِ وَكُنْتُمْ أَمْوَاتًا فَأَحْيَاكُمْ ثُمَّ تُمَيِّتُهُمْ ثُمَّ يَحْيِيكُمْ ثُمَّ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٨﴾﴾

Bermaksud: Bagaimana kamu tergamak kufur (mencingkari) Allah padahal kamu dahulunya mati (belum lahir), lalu Dia menghidupkan kamu. Kemudian Dia mematikan kamu, kemudian Dia menghidupkan kamu kembali (pada hari akhirat kelak). Akhirnya kamu dikembalikan kepada Nya (untuk diberi balasan bagi segala yang kamu lakukan).

Kematian berlaku melalui pelbagai sebab antaranya keuzuran kesihatan; atau nahas yang berlaku seperti kemalangan kenderaan, kebakaran, lemas dan serangan binatang buas; atau kerana bencana alam seperti ribut, banjir, tanah runtuh dan gempa bumi. Ada yang mati semasa tidur atau berehat, atau ketika sedang solat, atau ketika melaksanakan kerja. Walau apa pun penyebabnya, ajal maut ditentukan oleh Allah SWT dan kita tidak akan mengetahui bilakah waktu ajal kematian akan berlaku.

### **Jemaah yang dilimpahi kasih Illahi,**

Beringatlah! bahawa usia kita semakin bertambah dan ajal kita semakin hampir pada setiap detik waktu yang berlalu. Kematian pasti menjemput setiap yang bernyawa. Firman Allah SWT dalam surah *Ali-Imran* ayat 185:

﴿كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُوَفَّوْنَ أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ﴾

Bermaksud: Setiap yang bernyawa akan merasai mati, dan sesungguhnya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu.



Melalui ayat tersebut, Allah SWT mengaitkan kematian dengan balasan; mengingatkan kita tentang apakah amalan yang telah kita lakukan, mempersiapkan diri untuk menghadapi akhirat? Oleh sebab itu para *salafussoleh* sangat bimbang tentang bagaimana pengakhiran hidup mereka.

Diceritakan kisah Hasan al-Basri, seorang ulama dan tabiin yang terkenal dengan ketakwaan dan kezuhudannya, bahawa beliau sering menangis mengingati dosanya dan bimbang tentang nasibnya di akhirat dan berkata: "Ya, Allah, biarlah tangis ku ini dapat memadamkan api neraka untuk ku."

### **Jemaah yang dimuliakan,**

Menziarahi pusara merupakan antara amalan yang sangat dianjurkan dalam Islam kerana membawa banyak manfaat rohani dan moral kepada orang Mukmin. Menziarahi pusara bukan sekadar untuk mengingati orang yang telah pergi, tetapi untuk menginsafkan diri sendiri akan hakikat kehidupan dan kematian seperti yang dinyatakan dalam sebuah hadis daripada Abdullah bin Umar RA yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah:

أَفْضَلُ الْمُؤْمِنِينَ أَحْسَنُهُمْ خُلُقًا، وَأَكْيَسُهُمْ أَكْثَرُهُمْ لِلْمَوْتِ ذِكْرًا وَأَحْسَنُهُمْ لَهُ اسْتِعْدَادًا،  
أَوْلَيْكَ الْأَكْيَاسُ

Bermaksud: Yang terbaik di antara orang-orang beriman adalah yang paling baik akhlakunya, dan yang paling cerdik di antara mereka adalah yang paling banyak mengingati mati, dan yang paling baik persiapannya untuk menghadapinya. Mereka itulah orang-orang yang cerdik.

Berada di pinggir pusara, menyedarkan kita tentang singkatnya kehidupan, mendorong kita memperbaiki diri dan memberi tumpuan pada akhirat dengan meningkatkan amalan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Menziarahi pusara juga memberi peluang untuk kita mendoakan saudara-mara dan sahabat-sahabat yang lebih awal telah meninggalkan kita. Sesungguhnya doa dari orang yang hidup sangat berharga bagi mereka yang telah pergi. Rasulullah SAW mengajarkan doa ketika menziarahi pusara melalui hadis dari *Buraidah* yang diriwayatkan oleh *Imam Muslim*:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ أَهْلَ الدِّيَارِ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ بِكُمْ لَاحِقُونَ،  
نَسْأَلُ اللَّهَ لَنَا وَلَكُمْ الْعَافِيَةَ



Bermaksud: Salam sejahtera ke atas kamu, wahai penghuni tempat ini daripada kalangan Mukminin dan Muslimin. Kami insya-Allah akan menyusul kamu. Kami memohon kepada Allah kesejahteraan untuk kami dan untuk kamu.

### **Tetamu rumah Allah yang dimuliakan,**

Mimbar menitipkan pesanan-pesanan berikut:

**Pertama:** Mengingati mati menambah keimanan dan ketakwaan; menjadikan kita lebih beramanah, berintegriti, ikhlas dan bersungguh-sungguh dalam setiap amalan dan pekerjaan kerana sedar bahawa kehidupan dunia hanyalah sementara manakala kehidupan akhirat kekal abadi.

**Kedua:** Perbanyakkan amal kebaikan di samping menghindarkan diri daripada melakukan perkara-perkara yang mengundang kemurkaan Ilahi. Walau apa jua perkara yang ummah lakukan di dunia, beringatlah untuk mengutamakan keredaan Ilahi berbanding kehendak nafsu.

**Ketiga:** Menyedari kematian menjemput kita pada bila-bila masa dan di mana sahaja, seharusnya kita bersegera memohon keampunan Allah SWT dan memohon maaf kepada pihak yang telah kita lakukan kesilapan sama ada secara sedar atau tidak sedar.

**Keempat:** Semasa hidup, disediakan wasiat yang jelas mengenai harta, agar keluarga yang ditinggalkan mendapat panduan. Melangsaikan hutang piutang, memulangkan harta benda yang diambil secara batil, dan menjauhkan diri daripada sifat-sifat sombong, hasad dengki dan sifat-sifat mazmumah lain.

**Kelima:** Insafilah! Kematian adalah benar, disoal Mungkar dan Nakir adalah benar, dibangkitkan dari kubur dan dihidupkan semula adalah benar, dihimpunkan di Padang Mahsyar adalah benar, ditimbang segala amalan adalah benar, balasan nikmat syurga dan balasan azab neraka adalah benar.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَأَنْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَأَنْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَانِكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Zal Jalaali Wal Ikram!** Semoga kehidupan sementara kami di dunia ini, disudahi dengan pengakhiran yang baik. Jauhi kami daripada lebih mencintai dunia hingga memesongkan hati kami terpengaruh dengan bisikan syaitan yang dilaknati Allah, hingga menggelincirkan kami tercampak ke dalam neraka jahanam. Hidupkan hati kami dengan cahaya iman Mu agar mencapai keredaan Mu. Ampunkan dosa ibu bapa kami,

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



dosa guru-guru kami, dosa ahli keluarga kami dan limpahi ihsan kasih Mu kepada roh-roh mereka untuk ditempatkan dalam kalangan roh para Solihin dan Solehah.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

**Ya Salam! Ya Muhaimin!** Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Wakiil! Ya Maalikal Mulk!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،  
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ  
مَا تَصْنَعُونَ.